

10/12/2001

Kembalikan keyakinan pelabur Tabung Haji

ARAHAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) membuat keputusan dengan lebih cekap dan profesional bagi mengembalikan semula keyakinan masyarakat terhadap pengurusan simpanan dan pelaburannya, perlu diberi perhatian serius. Tabung Haji yang sebelum ini didedah telah melakukan pelbagai pelaburan yang merugi dan memberi pelbagai tanda tanya terhadap kegiatan itu, harus mengambil iktibar daripada apa yang berlaku. Pelaburan yang telah menyebabkan kerugian besar kepada Tabung Haji dan menjejaskan kewibawaannya, sepatutnya telah dihentikan.

Setiap pelaburan hendaklah dilakukan dengan teliti dan selepas dijalankan kajian kemungkinan bagi mengelakkan pelaburan yang boleh menimbulkan pelbagai persoalan dan membawa kerugian besar kepada badan itu. Tabung Haji dengan Panel Pelaburan yang ditubuhkan semula bagi menentu, melaksana dan mengawasi kegiatan pelaburannya diharap dapat mengembalikan keyakinan orang ramai, khususnya pencarum.

(END)